

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID**

**[ PADANG TERAP ]**

**SOALAN**

**DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID [ PADANG TERAP ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan mengapakah sehingga kini usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian masih lagi gagal untuk menstabilkan harga pasaran komoditi utama sawit dan getah sehingga membebankan para pesawit dan pekebun getah.

**JAWAPAN:**

Kementerian Industri Utama (MPI) sememangnya peka dan prihatin akan isu kemerosotan harga sawit dan getah malahan telah merangka langkah-langkah bagi pemulihan harga komoditi tersebut. Walau bagaimanapun, pergerakan harga minyak sawit dan getah adalah berorientasikan eksport dan harganya ditentukan oleh permintaan dan penawaran di pasaran antarabangsa.

Selain itu, antara faktor yang menyumbang kepada pergerakan harga sawit adalah seperti harga minyak kacang soya (SBO), harga minyak petroleum di pasaran dunia serta permintaan eksport minyak sawit. Manakala bagi komoditi getah pula, harga getah dipengaruhi oleh stok getah antarabangsa yang masih tinggi, prestasi niaga hadapan, harga minyak mentah, kadar pertukaran matawang asing dan pertumbuhan ekonomi negara-negara pengeluar dan pengimport utama getah dunia.

Menyedari hakikat ketidakstabilan harga komoditi ini, pihak Kementerian sentiasa meneroka pasaran baharu sebagai salah satu usaha

bagi menstabilkan harga komoditi negara. Antara pasaran baharu yang telah diteroka adalah Afrika, Turki, Mesir, Iran, Maghribi, Columbia dan sebagainya melalui beberapa siri misi ekonomi, pelaburan dan teknikal serta mesyuarat seperti berikut:

- (a) Persidangan Pakistan *Edible Oil Conference* di Pakistan pada 18 hingga 19 Januari 2019;
- (b) misi ekonomi, promosi dan pelaburan sawit, getah dan kayu-kayan ke Iran dan Turki pada 20 hingga 26 Januari 2019;
- (c) Mesyuarat Khas peringkat Menteri *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) Bangkok, Thailand pada 22 Februari 2019;
- (d) Mesyuarat Ke-6 Peringkat Menteri Dibawah Kerangka *Council Of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) di Jakarta pada 28 Februari 2019;
- (e) misi ekonomi dan promosi sawit dan kayu-kayan ke Arab Saudi dan Ethiopia pada 22 hingg 26 April 2019; dan
- (f) misi ekonomi dan promosi sawit ke United Kingdom, Belgium, Jerman dan Itali pada 3 hingga 12 Mei 2019;
- (g) misi ekonomi dan promosi sawit ke Republik Rakyat China pada 26 hingga 1 Jun 2019;
- (h) misi ekonomi dan pelaburan sawit dan getah ke India pada 29 Julai hingga 2 Ogos 2019;
- (i) misi ekonomi dan promosi sawit ke Vietnam pada 11 hingga 14 September 2019; dan
- (j) misi ekonomi dan promosi sawit ke negara-negara Afrika Timur pada 28 September hingga 4 Oktober 2019.

Sekian, terima kasih.